

BAB 3


METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Bab ini menghuraikan kerangka teori dan kaedah pengumpulan data serta cara penganalisan data yang digunakan secara menyeluruh terhadap data kajian ini. Bab ini juga merangkumi maklumat mengenai responden kajian dan instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini.

3.1 Kerangka Teori Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan sistem pengklasifikasian pembentukan kata seperti yang dicadangkan oleh Yule, G. (1996) yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:



Rajah 3.1 Proses Pembentukan Kata oleh Yule, G. (1996)

Proses-proses pembentukan kata yang dicadangkan oleh Yule, G. (1996), dibincangkan secara terperinci dalam Bab 2. Walaupun, proses-proses pembentukan yang disarankan oleh Yule, G. (1996) berkisar pada pembentukan kata, ia juga meliputi proses pembentukan item leksikal. Dengan itu, pengkaji memberikan beberapa contoh dalam bahasa Tamil bagi setiap jenis proses pembentukan kata yang dicadangkan oleh Yule, G. (1996) yang diaplikasikan ke dalam konteks bahasa Tamil berpandukan kepada Paramasivam, S. (2004) seperti dalam perbincangan seterusnya.

3.1.1 Peminjaman

Bahasa Tamil juga mempunyai kata-kata yang dipinjam daripada bahasa-bahasa lain seperti dari bahasa Sanskrit, bahasa Belanda, bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Kata-kata ini dikategorikan sebagai *nativisation*. Contohnya:

i) [alama:ri] - (bahasa Portugis)

Terjemahan: Almari

ii) [ka:ppi] - (bahasa Inggeris)

Terjemahan: Kopi

Proses peminjaman ini juga merangkumi penterjemahan secara langsung (*direct translation*). Bahasa Tamil juga mengalami proses peminjaman sebegini apabila meminjam kata-kata pinjaman menerima pakai daripada bahasa Inggeris. Contohnya:

i) Water fall = [ni:r vi:lci]

Terjemahan: Air Terjun

ii) Complaint box = [puka:r peṭṭi]

Terjemahan: Peti Aduan

3.1.2 Penciptaan

Dalam bahasa Tamil Malaysia terdapat beberapa perkataan yang dicipta untuk merujuk kepada perkara-perkara baru. Contohnya, perkataan [*nerai*] dicipta bagi merujuk kawasan perkebunan (getah, kelapa dan kelapa sawit) yang dibahagikan oleh alur mengikut barisan pokok. Contoh lain adalah perkataan [*tittti*] dicipta bagi merujuk cuti disebabkan hujan di estet.

3.1.3 Pemajmukan

Terdapat banyak KIL yang dibentuk daripada proses pemajmukan dalam bahasa Tamil. Berikut ialah beberapa contoh kata majmuk yang menunjukkan proses pembentukan dalam bahasa Tamil:

- i) [*maruntu*] (ubat) + [*agam*] (rumah) → [*maruntakam*] (Farmasi)
- ii) [*a:su*] (kesalahan) + [*iriyar*] (Orang yang memperbaiki) → [*a:ciriyar*] (Guru)

3.1.4 Pengimbuhan

Bahasa Tamil hanya mempunyai imbuhan akhiran yang menentukan kala, jantina, bilangan tunggal dan jamak, manusia-bukan manusia serta tempat iaitu diri pertama, kedua dan ketiga. Contohnya:

a) Partikel [*iṭai col*]

Terdapat beberapa partikel dalam bahasa Tamil yang menukarkan makna kata dasar. Antaranya ialah [-e:], [-o:], [-um], [-kol], [-man], [-ena], [-endru] dan [-enum]. Sebagai contohnya:

- i) [-e:] → [ava η e:] (dialah)
- ii) [-o:] → [ava η o:] (diak \mathbf{h})
- iii) [um] → [ava η um] (dia \mathbf{p} un)

b) Imbuhan Sisipan [i η ai nilai]

Imbuhan sisipan kebiasaannya hadir selepas satu kata akar dalam bahasa Tamil. Fungsi utama imbuhan sisipan ialah untuk menunjukkan kala sama ada kala lepas, kini dan hadapan. Berikut ialah perbincangan bagi setiap jenis kala yang mengandungi imbuhan sisipan.

i) Kala Lepas

Imbuhan [-nt-] dan [t] digunakan untuk menunjukkan sesuatu telah pun berlalu atau berlaku. Contohnya:

1. [va:] (datang) + [nt] (sisipan) + [a: η] (akhiran) → [vanta: η] (telah datang)
2. [ta:] (beri) + [nt] (sisipan) + [a: η] (akhiran) → [tanta: η] (telah memberi)

ii) Kala kini

Imbuhan [-ki η ru], [-ki η tru], dan [-a: η i η tru] digunakan untuk menunjukkan sesuatu yang sedang berlaku. Contohnya:

1. [koi] (petik) + [ki η ru] (sisipan) + [a: η] (akhiran) → [koiki η a: η] (sedang memetik)
2. [ko η u] (beri) + [ki η tru] (sisipan) + [a: η] (akhiran) → [ko η ukki η tra: η] (sedang memberi)

3. [o:tu] (lari) + [a:nintru] (sisipan) + [a:n] (akhiran) → [o:ta:nintra:n]
(tidak berlari)

iii) Kala hadapan

Imbuhan seperti [-p] dan [-v] digunakan untuk merujuk kepada sesuatu yang akan berlaku. Contohnya:

- i) [koi] (petik) + [v] (sisipan) + [a:n] (akhiran) → [koiva:n] (akan memetik)

- ii) [koṭu] (beri) + [pp] (sisipan) + [a:n] (akhiran) → [koṭuppa:n] (akan memberi)

c) Partikel Akhiran [vikuti]

Imbuhan akhiran ini digunakan untuk merujuk kepada sebuah kata kerja. Keistimewaan penggunaan imbuhan akhiran dalam sebuah kata dasar bahasa Tamil ialah, ia dapat memberi empat jenis maklumat seperti gender, bilangan, manusia-bukan manusia dan tempat (diri pertama, kedua dan ketiga).

- i) [koṭu] (beri) + [p] (sisipan) + [a:n] (akhiran) = [koṭuppa:n] (akan memberi)

Penggunaan imbuhan akhiran [a:n] dengan pelaku dalam contoh di atas memberikan maklumat seperti pelaku ialah seorang manusia yang berjantina lelaki. Selain itu, penggunaan imbuhan akhiran juga menunjukkan bahawa jumlah orang (bilangan) terlibat dalam contoh kata di atas ialah seorang sahaja. Seterusnya, imbuhan akhiran tersebut juga merujuk kepada penggunaan kata ganti nama diri ketiga.

d) Partikel Awalan Penunjuk [*cuṭṭu eluttu*]

Imbuhan awalan merujuk kepada kata penunjuk. Tetapi, imbuhan awalan tidak dikira sebagai salah satu imbuhan dalam bahasa Tamil. Ini kerana, imbuhan-imbuhan awalan ini berfungsi sebagai morfem bebas. Dalam bahasa Tamil terdapat tiga jenis partikel awalan yang berfungsi sebagai kata tunjuk. Partikel [*a*] digunakan untuk menunjuk sesuatu pada jarak jauh, partikel [*i*] digunakan untuk menunjuk sesuatu pada jarak dekat dan partikel [*u*] digunakan untuk menunjuk sesuatu pada jarak pertengahan. Tetapi, partikel [*u*] tidak digunakan lagi pada masa kini. Contoh-contoh penggunaannya adalah seperti berikut:

- i) [*a*] (itu) + [*vi:ṭu*] (rumah) → [*avvi:ṭu*] (rumah itu)
- ii) [*i*] (ini) + [*vi:ṭu*] (rumah) → [*ivvi:ṭu*] (rumah ini)
- iii) [*u*] + [*vi:ṭu*] (rumah) → [*uvvi:ṭu*] (rumah pada jarak pertengahan)

3.1.5 Penukaran

Dalam proses penukaran, sesuatu kata itu tidak ditukar bentuk, tetapi ditukar kelas kata bagi kegunaan baru. Contohnya:

- a) [*curru*] – *pusing* (Kata Kerja)
- a) [*oru curru*] - *pusingan* (Kata Nama)
- b) [*u:r curru*] – *merayau* (Kata Kerja)

3.1.6 Penyingkatan

Proses **penyingkatan** merupakan proses yang menyingkatkan sebuah perkataan yang sedia ada kepada perkataan yang lain. Sebagai contohnya:

- i) [*tirunelve:li*] (Tirunelveli) disingkatkan sebagai [*nellai*] (Nellai)
- ii) [*ciṅkappu:r*] (Singapura) disingkatkan kepada [*ciṅkai*] (Singai)

Contoh-contoh di atas merupakan nama daerah dan negara yang disingkatkan.

3.1.7 Akronim

Proses **akronim** ialah penggabungan huruf-huruf pertama dalam perkataan-perkataan sesuatu set perkataan bagi membina istilah baru. Contoh akronim dalam bahasa Tamil ialah:

- i) [*cuppu rattina ta:caṅ*] disingkatkan menjadi [*curata*]
- ii) [*vai. kopalca:mi*] disingkatkan menjadi [*vaiko*]
- iii) [**ma**:ciya **intiya ka**:ṅkiras] disingkatkan menjadi [**ma:ika**:]

3.1.8 Campuran

Proses **campuran** merupakan gabungan sebahagian dari satu perkataan dengan sebahagian dari perkataan yang lain. Maka, dua atau lebih perkataan yang di campur, menjadi satu perkataan yang baru. Berikut ialah contoh proses campuran dalam bahasa Tamil:

- i) [ottu] + [irukkai]
> [ottikai]

ii) [co:lan] + [na:tu]

> [co:na:tu]

3.1.9 Back Formation

Proses '**Back Formation**' melibatkan pengguguran imbuhan dalam sesuatu perkataan.

Bahasa Tamil tidak menggunakan proses ini dalam pembentukan kata.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui proses-proses pembentukan kata yang terlibat dalam iklan bahasa dalam ketiga-tiga akhbar harian Tamil Tempatan (AHTT). Kaedah campuran digunakan dalam kajian ini, iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif mudah.

Kaedah kuantitatif mudah digunakan untuk menentukan kekerapan proses-proses pembentukan kata yang wujud dalam iklan AHTT. Kaedah kuantitatif mudah juga digunakan untuk membuat perbandingan peratus kekerapan setiap jenis proses pembentukan kata yang digunakan dalam ketiga-tiga jenis AHTT. Selain itu, kaedah kuantitatif mudah juga digunakan untuk mempersembahkan maklumat tambahan yang diperoleh dari borang soal selidik dalam bentuk peratusan.

Manakala, kaedah kualitatif pula digunakan untuk membuat penghuraian deskriptif tentang cara sebuah kata itu dibentuk melalui proses pembentukan kata. Selain itu, kaedah kualitatif juga digunakan untuk membuat penghuraian deskriptif data-data sekunder yang diperoleh daripada borang soal selidik.

3.3 Data Kajian

Sumber utama kajian ini ialah tiga jenis AHTT di Malaysia iaitu *Tamil Nesan* (TN), *Malaysian Nanban* (MN) dan *Makkal Osai* (MO). Ketiga-tiga AHTT ini telah dipilih kerana pengkaji ingin mengkaji proses pembentukan kata dalam iklan-iklan bahasa Tamil secara menyeluruh. Kesemua edisi penyiaran ketiga-ketiga AHTT selama tempoh satu tahun, iaitu dari 1hb Mei 2009 hingga 31hb April 2010 dijadikan sumber data. Ini kerana, edisi penyiaran akhbar yang dikutip dalam tempoh yang dinyatakan digunakan untuk mengumpul iklan. Semua jenis iklan yang disiarkan dalam ketiga-tiga akhbar ini dikumpul bagi mendapatkan data kajian.

3.4 Responden Kajian

Lapan orang penghasil atau pencipta iklan digunakan sebagai responden kajian ini untuk mendapatkan maklumat tambahan daripada borang soal selidik. Pemilihan responden dilakukan berdasarkan pemilihan bertujuan. Ini kerana, para penghasil iklan daripada ketiga-tiga penerbit AHTT hanya terdiri daripada lapan orang sahaja. Oleh itu, kesemua lapan orang tersebut telah dipilih dan dijadikan sebagai responden kajian ini.

Daripada lapan orang penghasil iklan, seorang dari setiap akhbar ditemu bual bagi mendapatkan maklumat tambahan.

3.5 Instrumen Kajian

Kajian ini mengandungi tiga jenis instrumen kajian yang masing-masing digunakan dalam pengumpulan data utama dan tambahan. Perbincangan berikut adalah mengenai instrumen-instrumen kajian.

3.5.1 Borang Analisis Pembentukan Kata

Borang analisis pembentukan kata (Lampiran 1) dihasilkan oleh pengkaji untuk mengklasifikasikan kata-kata baru. Borang ini juga membantu pengkaji untuk mengenal pasti sama ada terdapat perkataan yang tidak dapat dikategorikan mengikut cadangan Yule, G. (1996). Langkah ini membantu pengkaji untuk mengenal pasti sama terdapat proses ‘lain-lain’ dalam data yang dianalisis.

Borang analisis pembentukan kata juga digunakan untuk mengenal pasti kekerapan penggunaan proses-proses pembentukan kata dalam data kajian ini. Kemudian, kekerapan penggunaan yang dinyatakan dalam borang ini digunakan untuk mengira peratus kekerapan penggunaan bagi menentukan proses pembentukan kata yang paling kerap wujud dalam data kajian ini.

3.5.2 Panduan Temu Bual Semi Berstruktur

Panduan temu bual semi berstruktur (Lampiran 2) dihasilkan oleh pengkaji berdasarkan panduan yang dikemukakan oleh Chua Yan Piaw (2006). Tujuan temu bual ini digunakan ialah untuk mendapatkan maklumat tambahan daripada para responden. Soalan-soalan yang disenaraikan dalam temu bual ialah, pada amnya meliputi keadaan yang menyebabkan berlakunya pembentukan kata, masalah yang dihadapi dan penyelesaian kepada masalah tersebut. Transkrip temubual disediakan berdasarkan respon daripada responden (Lampiran 3).

3.5.3 Borang Soal Selidik

Pengkaji menyediakan soal selidik (Lampiran 4) yang mengandungi item pilihan tunggal dan bebas berdasarkan panduan yang dikemukakan oleh John W. Creswell (2000). Soal selidik ini digunakan untuk mendapatkan data tambahan seperti faktor-faktor yang mempengaruhi para penghasil iklan untuk membentuk kata baru bahasa Tamil. Soal

selidik ini ditadbirkan kepada mereka yang terlibat dalam penghasilan iklan dalam ketiga-tiga buah AHTT yang digunakan sebagai sumber data kajian ini.

Terdapat lima bahagian dalam soal selidik yang seharusnya dijawab oleh para responden. Bahagian A ialah mengenai maklumat asas para responden. Bahagian B pula mengenai latihan ikhtisas yang pernah dihadiri oleh responden khas untuk menguasai kemahiran pembentukan kata. Manakala Bahagian C pula adalah untuk mendapatkan maklumat tentang situasi-situasi tertentu di mana mereka membentuk sesuatu kata baru. Soalan-soalan dalam bahagian ini diberi pilihan jawapan. Bahagian D pula merupakan bahagian yang penting di mana para responden ditanya tentang proses pembentukan kata yang paling kerap digunakan dalam membentuk sebuah kata baru. Semua jenis proses seperti yang dicadangkan oleh Yule, G. (1996) telah disenaraikan bersama-sama dengan penerangan berserta contoh yang boleh membantu responden menjawab soalan ini dengan lebih teliti. Akhirnya di bahagian E, para responden diminta untuk memberi pandangan bagi soalan respon tertutup dan terbuka yang berkisar pada faktor-faktor yang menyumbang ke arah pembentukan kata-kata baru dalam bidang pengiklanan.

3.6 Pengumpulan Data

Pengumpulan data kajian ini terbahagi kepada tiga peringkat, iaitu pengumpulan data dari akhbar dan responden. Pada mulanya, data dikutip dari ketiga-tiga AHTT. Ketiga-tiga AHTT yang tersiar bagi tempoh masa setahun dikumpulkan. Akhbar-akhbar yang digunakan dalam kajian ini adalah *Tamil Nesan*, *Malaysia Nanban* dan *Makkal Osai*. Sebanyak 360 edisi daripada setiap akhbar telah dikutip bagi tujuan pengumpulan data.

Seterusnya, iklan-iklan yang tersiar dalam akhbar-akhbar tersebut dikumpulkan. Iklan-iklan tersebut dikodkan mengikut tarikh penyiaran iklan tersebut. Pengekodan dibuat berdasarkan format berikut:

tahun / bulan / tarikh / akhbar / muka surat /bilangan

Dalam format pengekodan yang dinyatakan di atas, item-item seperti tahun, bulan dan tarikh merujuk kepada tarikh penyiaran sesuatu iklan. Manakala, item akhbar pula merujuk kepada jenis akhbar yang mengandungi sesuatu iklan yang dijadikan data kajian ini. Ketiga-tiga akhbar dirujuk dengan kod ringkas seperti dalam jadual berikut:

Jadual 3.1 Kod Ringkas Akhbar Harian Tamil

Akhbar	Kod
<i>Tamil Nesan</i>	TN
<i>Malaysia Nanban</i>	MN
<i>Makkal Osai</i>	MO

Seterusnya item muka surat dalam format pengekodan merujuk kepada halaman akhbar yang mengandungi iklan yang digunakan sebagai data kajian ini. Akhirnya, item bilangan pula merujuk kepada pemberian nombor kepada iklan. Ini kerana, dalam tarikh dan muka surat yang sama, mungkin terdapat lebih daripada satu iklan. Maka, pemberian nombor kepada iklan dapat mengasingkan iklan-iklan tersebut.

Berikut ialah contoh pengekodan sebuah iklan yang disiarkan pada hari bulan 25 Mei 2009 dalam akhbar Makkal Osai di muka surat 16:

09/05/25/MO/16/01

Setelah selesai pengumpulan data utama kajian ini daripada AHTT, pengkaji melakukan pengumpulan data dari responden. Pengkaji menghubungi pihak penerbit AHTT untuk mendapatkan kebenaran untuk menemu bual responden dan seterusnya mentadbirkan soal selidik kepada para penghasil iklan yang merupakan responden kajian ini.

Pada mulanya, pengkaji menemu bual responden dari ketiga-tiga AHTT secara berasingan. Perbualan antara pengkaji dan penghasil iklan dirakamkan dan hasil perbualan itu ditranskripsikan (Lampiran 4). Pengkaji mentadbirkan borang soal selidik kepada para responden dari ketiga-tiga AHTT. Para responden telah diberikan tempoh masa selama 20 minit untuk menjawab soalan-soalan daripada borang soal selidik.

3.7 Analisis Data

Seperti mana proses pengumpulan data, proses analisis data kajian juga terbahagi kepada tiga bahagian iaitu penganalisan data yang diperoleh daripada akhbar, rakaman temu bual dan borang soal selidik.

Analisis data akhbar dimulakan dengan mengenal pasti dan menyenaraikan kata-kata baru yang dikenal pasti dalam iklan-iklan dari AHTT. Penganalisan dilakukan mengikut pengklasifikasian proses pembentukan kata yang dicadangkan oleh Yule, G. (1996). Borang Analisis Pembentukan Kata (Lampiran 1) digunakan untuk pengklasifikasian kata-kata baru. Langkah ini bertujuan untuk mengenal pasti sama ada terdapat perkataan yang tidak dapat dikategorikan mengikut cadangan Yule, G. (1996). Sekiranya keadaan tersebut wujud, maka perkataan tersebut dikategorikan sebagai proses 'lain-lain'. Proses-proses yang terlibat dalam pembentukan kata bagi sesuatu kata baru diuraikan secara deskriptif.

Pengkaji mengenal pasti sama ada sesuatu perkataan itu baru atau tidak dengan menggunakan dua buah kamus Tamil terkini. Kamus-kamus tersebut seperti berikut:

1. *Cre-Avin Tatka:la Tamil Akara:ti* (2008) yang mengandungi 21 ribu leksis.
2. *Cura:vin Tamil- Tamil-A:ñkila Akara:ti* (2007) yang mengandungi 42 ribu leksis.

Kata dan item leksikal (KIL) yang ditemui dalam iklan-iklan dipastikan tidak tersenarai dalam kamus-kamus tersebut. Jika perkataan berkenaan tersenarai dalam kamus tersebut, maka ia dianggap bukan satu perkataan yang baru. Perkataan-perkataan yang tidak tersenarai dalam kamus tersebut disenaraikan dalam senarai perkataan baru. Kod iklan juga direkodkan di sebelah perkataan yang dikenal pasti dalam senarai perkataan baru bagi tujuan rujukan.

Kata-kata yang dikenal pasti sebagai kata baru dianalisis untuk menentukan proses pembentukan kata. Proses pembentukan kata yang kerap digunakan dalam iklan dihitung bagi menjawab soalan kajian kedua. Penghitungan tersebut dilakukan berdasarkan jumlah kata yang dikategorikan mengikut setiap jenis proses pembentukan kata. Penghitungan peratus pembentukan KIL dikira berdasarkan formula berikut:

$$\frac{\text{Jumlah kata bagi sesuatu proses}}{\text{Jumlah kata keseluruhan}} \times 100\%$$

Seterusnya ialah penganalisan data dari responden iaitu, maklumat yang diperoleh melalui sesi temu bual dengan para responden. Segala maklumat yang diberikan oleh responden telah dianalisis untuk menghasilkan borang soal selidik yang ditadbirkan kepada kesemua para penghasil atau pencipta iklan yang terlibat di ketiga-tiga AHTT.

3.8 Penutup

Penyediaan awal yang teratur seperti yang dibincangkan dalam Bab 3 ini membantu pengkaji mendapat satu hasil kajian yang jitu yang dibincangkan dalam bab seterusnya.

BAB 4

PENGANALISAAN DAN TAFSIRAN DATA

4.0 Pendahuluan

Bab ini membincangkan penganalisan data kajian bagi menjawab soalan-soalan kajian ini. Seterusnya, hasil penganalisan dihuraikan secara kualitatif dan dipersembahkan dalam bentuk kuantitatif mudah. Secara keseluruhannya, analisis kajian ini merangkumi:

- i) Analisis Penggunaan Proses Pembentukan Kata
- ii) Kekerapan Penggunaan Proses Pembentukan Kata
- iii) Analisis Borang Soal Selidik

4.1 Analisis Penggunaan Proses Pembentukan Kata

Seperti yang dihuraikan dalam Bab 3, data-data kajian ini diperolehi daripada iklan-iklan yang dikutip daripada tiga buah akhbar harian Tamil tempatan (AHTT) iaitu, *Tamil Nesan* (TN), *Malaysia Nanban* (MN) dan *Makkal Osai* (MO) bagi tempoh masa satu tahun (1hb Mei 2009 hingga 31 April 2010). Kata dan item leksikal (KIL) baru dikenalpastikan dengan menggunakan dua buah kamus Tamil iaitu, *Cre-Avin Tatka:la Tamil Akara:ti* (2008) dan *Cura:vin Tamil- Tamil-A:ñkila Akara:ti* (2007). KIL dikenal